

GARIS PANDUAN BAGI PENULISAN JURNAL MUAMALAT JAKIM

PENILAIAN

Makalah akan melalui proses penilaian oleh panel penilai yang dilantik oleh Jakim. Keputusan penerbitan makalah adalah berasaskan kepada cadangan penilai.

FORMAT

Artikel hendaklah ditulis dengan berpandukan format berikut:

Program	:	<i>Microsoft Word</i>
Jenis font	:	<i>Times New Roman</i>
Saiz font	:	12
Jarak baris	:	1.5

BAHASA

Artikel boleh ditulis dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab dan tidak melebihi 6000 patah perkataan tidak termasuk senarai rujukan (15-20 halaman), kertas size A4. Makalah Bahasa Malaysia dan Bahasa Arab mestilah disertakan dengan tajuk dalam Bahasa Inggeris.

TRANSLITERASI

Sistem transliterasi yang digunakan perlulah bersesuaian seperti **LAMPIRAN A**.

ABSTRAK

Setiap artikel yang ditulis dalam ketiga-tiga Bahasa di atas mestilah disertakan dengan abstrak dalam Bahasa Melayu. Panjang abstrak hendaklah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Pada umumnya penulisan abstrak mestilah bersifat penjelasan maklumat dan tidak bersifat penulisan kritikan.

Abstrak biasanya merangkumi maklumat yang mengandungi empat elemen seperti berikut iaitu pendahuluan yang merangkumi masalah kajian dan objektif, metodologi kajian yang digunakan, hasil utama kajian seperti teori baru, istilah, tafsiran atau penilaian yang dinyatakan dengan tepat dan kesimpulan.

TAJUK DAN TAJUK PERENGGAN

Tajuk utama dan sub tajuk perlulah ditulis secara *title case* iaitu berhuruf kecil kecuali huruf pertama berhuruf besar. Semua tajuk utama dan sub-tajuk perlulah di *boldkan* tulisannya.

SISTEM NOMBOR

Sistem nombor adalah seperti berikut:

Aras pertama - tajuk

- 1.
- 2.

Aras kedua - subtajuk

- A.
- B.
- C

Aras ketiga - subsubtajuk

- I
- II

Aras keempat- penyenaian pertama

- a.
- b.

Aras kelima - anak penyenaian pertama (contoh)

- i.
- ii.

TATACARA PENULISAN PETIKAN

Petikan yang disisipkan di dalam ayat hendaklah tidak melebihi 40 patah perkataan dan mesti dimulai dan diakhiri dengan tanda petik “....”

Seluruh petikan yang melebihi 40 patah perkataan hendaklah ditaip berasingan pada perenggan yang baru satu setengah langkau dengan ensotan tanpa tanda petik.

PENULISAN CATATAN BAWAH/NOTA KAKI (*FOOTNOTE*)

Catatan bawah merupakan nota-nota di bawah sesuatu halaman tertentu yang menerangkan atau memberi maklumat tambahan mengenai perkara-perkara yang terdapat dalam kandungan teks pada halaman yang berkenaan.

Cara penomboran catatan bawah hendaklah menggunakan angka superskrip, misalnya, pada tempat yang berkenaan pada sesuatu halaman dalam teks.

NOTA:

Kepada pengarang artikel yang menggunakan FORMAT PENGARANG DAN TAHUN, anda dikehendaki mengikut format *footnote* sebagaimana yang telah ditetapkan oleh sidang editorial jurnal.

Pembutiran yang perlu ditulis adalah seperti berikut:

Nama pengarang, koma
Judul, koma
Penerbit, koma
Tempat, koma
Tahun, koma
Jilid, koma (singkatan: jil.)
Halaman, noktah (singkatan: hlm.)

Contoh:

...pertimbangan ilmiah yang sempurna di antara beberapa masalah atau antara beberapa mafsadah atau antara kedua-duanya ketika berlakunya kontradiksi antara satu sama lain⁶⁰.

⁶⁰ al-Dusi, Hasan Salim, 2001, *Manhaj fiqh al-muwazanat fi al-shar' al-Islami*, *Majallah al-shari'ah wa al-dirasat al-Islamiyyah*, al-Kuwayt, Majlis al-Nashr al-'Ilmi Jami'ah al-Kuwait, bil. 46, hlm. 380.

Catatan bagi sesuatu rujukan untuk catatan bawah buat pertama kalinya hendaklah lebih lengkap daripada catatan bawah yang berikutnya bagi rujukan yang sama. Rujukan semula kepada maklumat yang sama yang dinyatakan dalam catatan bawah hendaklah diringkaskan. Jika sesebuah karya dirujuk berulang kali sepanjang penulisan tesis maka maklumat yang dicatat ialah nama pengarang dan halaman yang dirujuk.

Contoh:

¹ al-Zuhayli, Wahbah, 2001, *Usul fiqh al-Islami*, Dimashq, Dar al-fikr, jil. 2, hlm.1020.

² al-Shatibi, 'Ibrahim Musa, *al-Muwafaqat*, jil.. 2, hlm.17.

³ al-Zuhayli, Wahbah, 2001, hlm.1064.

Penggunaan “Ibid”

Apabila rujukan kepada sumber yang sama dibuat berturut-turut tanpa sebarang rujukan yang lain di antaranya, walaupun ke beberapa halaman ke hadapan, maka tanda singkatan “ibid” (berasal daripada Latin *ibidem*, bermaksud “pada tempat yang sama”) digunakan. Jika rujukan yang berikutnya masih merujuk kepada sumber yang sama tetapi pada halaman yang berlainan, maka singkatan “ibid” ini ditambahkan dengan keterangan mengenai halaman yang baru itu.

Contoh:

³⁰ al-Khudari Bik, Muhammad, hlm. 302.

³¹ ibid.

³² ibid, hlm. 400.

RUJUKAN KEPADA AL-QUR'AN

Angka yang menunjukkan rujukan ayat-ayat al-Qur'an hendaklah diletak pada akhir teks al-Qur'an, bukan pada akhir terjemahannya. Rujukan hendaklah dibuat kepada surah dan bilangannya serta kepada bilangan ayat.

Penulis juga hendaklah menjelaskan sumber terjemahan ayat-ayat al-Qur'an yang diberikan dan ditulis dalam Othmaniah.

Firman Allah SWT:

Maksudnya:

Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaikan (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayang. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.²

² Semua terjemahan ayat-ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir pimpinan al-Qur'an kepada pengertian al-Qur'an* edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987). [Semua terjemahan ayat-ayat al-Qur'an dalam tulisan ini dibuat oleh penulis kecuali kalau dinyatakan sebaliknya.]

JADUAL DAN RAJAH

Setiap jadual perlu mempunyai tajuk yang diletakkan di **bahagian tengah atas jadual** dan bermula dengan perkataan JADUAL dan nombor numerik Arab. Semua carta, graf, lukisan dan ilustrasi dirujuk sebagai rajah.

Setiap rajah perlu mempunyai tajuk yang diletakkan di **bahagian bawah rajah** dan bermula dengan perkataan RAJAH dan nombor numerik Arab.

PENULISAN RUJUKAN

CARA MENULIS RUJUKAN YANG LENGKAP UNTUK BUKU

Berikan maklumat selengkap mungkin seperti berikut:

- Nama pengarang, noktah
- Tahun penerbitan, noktah
- Judul buku (condong), noktah
- Penyunting, penyusun, penterjemah (jika ada), noktah
- Nama siri buku dan jilid atau bilangan dalam siri (jika ada), noktah
- Edisi, selain daripada edisi pertama, noktah
- Bilangan jilid, noktah
- Tempat terbit, kolon

- Penerbit, noktah

NOTA: Baris kedua rujukan hendaklah diengsot masuk ke dalam seperti contoh di bawah.

Contoh:

Pengarang Tunggal

Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali ibn Ahmad ibn Said. 1403H/1983. *Jamharat ansab al-arab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Nik Anuar Nik Mahmud. 2000. *Konfrontasi Malaysia Indonesia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengarang Bersama

al-Abbadi, Ahmad Mukhtar & Salim, al-Sayyid Abd al-Aziz. 1981. *Tarikh al-bahriyyah al-islamiyyah fi Misr wa al-Sham*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.

Corcoran, K. & Fischer, J. 1987. *Measures for clinical practice: a source book*. New York: The Free Press.

Edisi Baru & Cetak Ulang (Ed. = Edisi)

Shaharir bin Mohamad Zain. 1990. *Beberapa masalah permulaan dalam sains hayat dan perubatan*. Ed. ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan Kepada Hadith Tertentu Rasulullah (SAW) Ditulis Menurut Pengumpul Hadith

al Tabrani, Sulayman ibn Ahmad. 1211H/1894. *Al-Mu^cjamal-saghir*. Delhi: Al Matba'ah al-Ansari.

Karya Susunan (pnys. = penyusun)

Hamzah Hamdani (pnys.). 1980. *Esei sastera Baharuddin Zainal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhamad Hasan bin Tok Kerani Mohd. Arshad. 1968. *Al-tarikh salasilah negeri Kedah*. Susn. semula Mohd. Zahid bin Shah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Karya Suntingan (pnyt. = penyunting)

Zakri A. Hamid, Ismail Sahid & Mohd. Nor Embi (pnyt.). 1990. *Prioriti penyelidikan untuk kemajuan sains dan teknologi*: Kumpulan Kertas Kerja 16. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Berbilang Jilid (Jil. = Jilid)

Abu Osman bin Md. Tap. 1987. *Matematik pertama*. Jil. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Osman bin Md. Tap. 1988. *Matematik pertama*. Jil. 2 & 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bab Dalam Buku (Dlm. = Dalam)

- Chamhuri Siwar. 1991. Industri padi dan beras: beberapa isu dasar, arahaliran, masalah dan prospek. Dlm. Redzuan Othman & Mohd. Sheffie Abu Bakar (pnyt.). *Komoditi utama Malaysia: kepentingan, masalah dan prospek*, hlm. 100-125. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin bin Abdul Wahid. 1964. Malaysia, South East Asia and world politics. Dlm. Wang Gungwu (pnyt.). *Malaysia: a survey*, hlm. 356-374. New York: Frederick A. Praeger.

Karya Tanpa Tarikh (t.th.) /tanpa tempat (t.tp) /tanpa penerbit (t.pt) (Sunt. = Suntingan)

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Abu Abd Allah Muhammad ibn Bakr al-Zar'i al-Dimisyyiyy. t.th. *A'alam al-Muwaqqi'ene'an Rabb al-'Alamin*. 4 jil. Sunt. Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid. Mesir: t.pt.

al-Syafi'I, Muhammad ibn Idirs. t.th. *Al-Umm*. 7 jil. t.tp.:t.pt.

CARA MENULIS RUJUKAN YANG LENGKAP UNTUK MAKALAH DALAM JURNAL

Berikan maklumat selengkap mungkin seperti berikut:

- Nama Pengarang, noktah
- Tahun, noktah
- Judul Makalah, noktah
- Nama jurnal (condong)
- Nombor Jilid* (tebal)
- Nombor keluaran (dalam tanda kurung), kolon
- Halaman seluruh makalah, noktah

Contoh:

Pengarang Tunggal

Mimi Kamariah Majid. 1990. Tafsiran "Hendaklah Dihukum". *Dewan* 1(5):40-44.

Mohammad Haji Alias. 1988. Pembinaan dan pemilihan model respons penawaran pengeluar getah asli. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 18:3-25.

Pengarang Bersama

Ikram M. Said, Laily Din, Samsudin, M.W., Zuriati Zakaria, Nik Idris Yusoff, Ujang Suki,

Aminah Manap, Zainuddin Ibrahim, A. & Latiff, A. 1990. A phytochemical survey of Ulu Kinchin, Pahang, Malaysia: the Rompin Endau Expedition. *Malayan Nature Journal* 43: 260-266.

Makalah Dalam Majalah

Ismail Hamid. 1990. Sastera kitab. *Dewan Sastera*, Mei: 79-83.

Nik Mohd. Nasri Ismail. 1991. Punca ketidaksaburan lelaki. *Sihat*, Julai: 24-25.

Makalah Dalam Akhbar

Dengan Pengarang

Faisal Othman. 1992. Jaga kepentingan umum asas pemerintahan Islam. *Utusan Malaysia*, 30 Oktober: 6

Siti Zainon Ismail. 1990. Wanita, puisi dan peribadi. *Berita Minggu*, 4 Februari, 11 Mac.

Tanpa Pengarang

Mingguan Malaysia. 1992. Masjid di Algeria jadi medan latihan golongan pelampau. 23 Februari: 10.

Berita Dalam Akhbar

Berita/rencana dengan nama penulis

Kandau Sidi. 2000. Kutu rayau cemar Kuala Lumpur. *Berita Harian*, 5 Julai: 17.

Berita/rencana tanpa nama penulis

Telefon bimbit bukan sekadar penghubung. 2000. *Berita Harian*, 5 Julai: 24

Syarikat Itali akan sediakan kadar kawalan laluan udara. 1992. *Utusan Malaysia*, 30 Oktober: 3

Surat kepada editor

Fidani. 1992. Jangan salahkan imam, bilal saja. Surat. *Berita Harian*, 30 Oktober: 13

Izhab, Z. 1992. Effective reading is the way to ensure success of science students. Surat kepada editor. *New Straits Times*, 25 Januari: 9.

Filem, Video Dan Slaid

Filem

Ali Baba Bujang Lapok. 1960. Filem cereka. Singapura: Shaw Brothers.

Caves: the dark wilderness. t.th. Filem. Chicago: Encyclopaedia Britannica Educational Corporation.

Video

Geophysical techniques. t.th. Video. Milton Keynes: Open University.

My name is Nadra (Natrah) not Bertha. 1992. Drama dokumentari. Singapura: Singapore Broadcasting Corporation.

Slaid

- Deacon, J.E. 1975. *The Galapagos Island: birds*. Slaid. New York: Harper & Row.
- *Energy generation and storage*. t.th. Slaid. Singapore: Toppan Company.

CARA MENULIS RUJUKAN YANG LENGKAP UNTUK RUJUKAN ELEKTRONIK

Rujukan Elektronik

Suruhanjaya Sekuriti.2009.Dana Unit Amanah di Malaysia-Ringkasan Statistik.

<http://www.sc.com.my/main.asp?pageid=658&menuid=751&newsid=&linkid=&type=> . 13
Januari 2009.

CARA MENULIS RUJUKAN YANG LENGKAP UNTUK BAHAN TIDAK TERBIT

Berikan maklumat selengkap mungkin seperti berikut:

- Nama pengarang, noktah
- Tahun, noktah
- Judul, noktah
- Nombor folio, nombor kotak tempat bahan disimpan atau mana-mana tanda pengenalan yang lain, koma
- Nama koleksi, noktah
- Nama tempat (institusi, bandar, negeri) bahan tersebut disimpan, koma
- Tarikh, noktah

Tesis atau latihan ilmiah

Alfitra Salam. 1999. Kerjasama dan potensi konflik dalam hubungan Indonesia-Malaysia 1966-1991. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Howie, J. 1977. Topics in the theory of groupoids. Tesis Ph.D. University of London.

Ibrahim bin Haji Hashim. 1974. Peranan dan pengurusan zakat di Negeri Kedah. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia

Mann, A.E. 1968. The palaeodemography of Australopithecus. Disertasi Ph.D. University of California, Berkeley.

Manuskrip asal

Hamzah Fansuri. t.th. Sharab al-^cAshiqin. MSS. Cod. Or. 7291(11), Perpustakaan University Leiden.

Kertas kerja dan abstrak persidangan dan sebagainya

Abdul Majid Mat Salleh. 1990. Tren pertumbuhan dan perubahan penduduk: Implikasi, prospek dan cabaran bagi masa hadapan. Kertas kerja Persidangan Kependudukan dan Orientasi Pembangunan Menjelang Abad Ke 21. Universiti Kebangsaan Malaysia, Sabah, 10-11 Disember.

Arbain Kadri & Titol Malim. 1990. Beberapa aspek biologi *Littorina Melanostoma* (Gray) di Pulau Besar, Melaka. *Abstrak Kertas Tema, Lisan dan Poster, Persidangan Penyelidikan UKM: PA50.*

Laporan teknik

Che Husna Azhari & Wan Mohtar Wan Yusoff. 1990. Penghidrogenan selanjara minyak olein sawi mangkin emas dan platinum. Laporan akhir projek penyelidikan UKM 69/85.

Mohd. Kidin bin Shahrhan. 1991. Kegunaan submartingale dalam masalah storan. Laporan Teknik 5. Pusat Pengajian Kuantitatif, Universiti Kebangsaan Malaysia..

Kertas kerja, laporan dan minit mesyuarat

Bahagian Pendidikan Guru. 1989. Pendekatan baru tugas dan tanggungjawab pensyarah maktab-maktab perguruan Malaysia. Kertas kerja Mesyuarat Pengetua-Pengetua Maktab Perguruan Malaysia Kali Kedua. Lumut, Perak D.R., 7-9 Ogos.

Laporan Unit Pengurusan dan Pentadbiran (URT). 1988. Mesyuarat Pengetua-Pengetua Maktab Perguruan Malaysia Kali Kedua. Maktab Perguruan Lembah Pantai, Kuala Lumpur, 15-16 September.

Minit Mesyuarat Pengetua-Pengetua Maktab Perguruan Malaysia Kali Kedua. 1989. Lumut, Perak D.R., 7-9 Ogos.

Temu bual

Abdullah Hj. Mohd. Salleh. 1999. Sejarah penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia,
Kuala Lumpur. Temubual, 12 Mei.

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	h	حديث	hadith
خ	kh	خالد	khalid
د	d	ديوان	diwan
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	rahman
ز	z	زمزم	Zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	sabr
ض	d	ضمير	damīr
ط	t	طاهر	tahir
ظ	z	ظهر	zuhr
ع	'	عبد	'abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qadi
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمارة	mizmar
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبطة	habata
و	w	وصل	wasala
ي	y	يسار	yasar

SENARAI SINGKATAN

a.s.	'alayhi al-Salam
r.a.	radi'ILah 'anhu
SAW	Salla'ILahu 'alayhi wa sallam
SWT	Subhanahu wa Ta'ala
t.th.	tiada tarikh
t.tp.	tiada tempat
t.pt.	tiada penerbit
pnyt.	penyunting
jil.	jilid
bil.	bilangan
hlm.	halaman
M	Masihi
H	Hijrah
m.	Mati
ed.	edit